

MINYAK KAYU PUTIH CAP BURUNG DAN DUA BIDADARI

Eucalyptus Oil (100 %v/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari
2. Bagaimana Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari berfungsi
3. Sebelum menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari
4. Cara menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari
5. Semasa menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari

Untuk perut kembung, sakit perut, rheumatik, masuk angin, gigitan nyamuk dan serangga.

Bagaimana Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari berfungsi

Minyak Eucalyptus bertindak sebagai *rubefacient* (meningkatkan pengaliran darah dan menyebabkan kemerahan kulit). Apabila digunakan pada kulit, ia memberikan rasa panas yang boleh membantu melegakan kesakitan otot.

Sebelum menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna sekiranya anda mempunyai alahan terhadap Minyak Eucalyptus.

- Sebelum menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini jika anda mengalami sebarang masalah kulit.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari

- Berapa banyak perlu digunakan

Gosok pada bahagian luar badan yang sakit. Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh diminum.

- Bila perlu digunakan

Gunakan ia apabila perlu.

- Berapa lama perlu digunakan

Produk ini selalunya untuk kegunaan jangka pendek sahaja. Jika simptom berlarutan, sila berjumpa dengan doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat jika perlu.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika dos berlebihan telah digunakan.

Penggunaan secara berlebihan mungkin menyebabkan iritasi kulit.

Semasa menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor atau ahli farmasi.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan sapu pada luka terbuka
- Jangan gunakan pada muka atau hidung bayi dan kanak-kanak kecil

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jauhkan dari bahagian mata.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Iritasi kulit mungkin berlaku dengan penggunaan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan atau laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

MINYAK KAYU PUTIH CAP BURUNG DAN DUA BIDADARI

Eucalyptus Oil (100 %v/v)

Cara penyimpanan dan pelupusan Minyak Kayu Putih Cap Burung dan Dua Bidadari

- Penyimpanan

Simpan bawah suhu 30°C. Jauhkan dari cahaya matahari. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Minyak jernih berwarna hijau kekuningan dan berbau tersendiri.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Eucalyptus Oil

- Bahan tidak aktif

Tiada

- Nombor MAL:

MAL19986015X

Pengilang

PT Irawan Djaja Agung
Jl. Raya Sukodono,
Kecamatan Sukodono,
Sidoarjo, Jawa Timur, Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Pasir Mas-Indo Trading Sdn Bhd
64, Jalan Perluan Makmur 73,
Taman Damai Jaya,
81300 Skudai, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/01/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)150124/00006
